

**ARKIB NEGARA MALAYSIA
JALAN DUTA
50568 KUALA LUMPUR**

Ruj. Kami : ANM.100-1/9/3(9)
Tarikh : 19 November, 2008

Pengarah-Pengarah Pengurusan
Ketua-Ketua Cawangan
Pengarah-Pengarah Memorial/Galeria/Pustaka
Pengarah-Pengarah Cawangan Negeri
Pegawai dan Kakitangan
Arkib Negara Malaysia

Tuan/ Puan,

**ARAHAN JABATAN Bil. 10 TAHUN 2008
PEMINDAHAN REKOD TERPERINGKAT
KE JABATAN ARKIB NEGARA .**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Arkib Negara telah membuat ketetapan berkaitan dengan pemindahan rekod terperingkat.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, pemindahan rekod awam terperingkat (Sulit, Terhad, Rahsia, Rahsia Besar) ke Arkib Negara sering menghadapi masalah kerana kesukaran pelaksanaan pengelasan semula rekod oleh Jabatan pengwujud/pemindah.

3. Bagi menangani masalah ini, Mesyuarat Pengurusan Jabatan Bil.1/2008 (bertarikh 25 Januari 2008) telah memutuskan bahawa rekod terperingkat yang sangat penting dari segi nilai kebangsaan atau sejarah boleh dipindahkan tanpa dibuat pengelasan semula. Contoh rekod adalah seperti :

- Rekod mengenai dasar dan polisi negeri/ negara
- Rekod yang menjadi tunggak kedaulatan negara
- Rekod berkaitan persempadanan darat dan laut(*terrestrial* dan *maritime*) negara dan antarabangsa .
- Rekod perhubungan antarabangsa termasuk perjanjian dan persetujuan.
- Rekod berkaitan pertahanan dan keselamatan negara

Walau bagaimana pun pemindahan rekod terperingkat ini adalah tertakluk kepada Seksyen 28(4) Akta Arkib Negara.

4. Rekod terperingkat yang dipindahkan ke Arkib Negara tanpa dikelaskan semula tidak boleh dibuka bagi tujuan rujukan umum. Selepas pemindahan rekod ini, usaha hendaklah diteruskan bagi memastikan rekod tersebut dapat dikelaskan semula supaya orang awam boleh membuat rujukan selaras dengan seksyen 37 Akta Arkib Negara.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BUDI BAHASA BUDAYA KITA”

Saya yang menurut perintah,

(DR. HAJAH SAMSIAH MUHAMAD)

Timbalan Ketua Pengarah
b.p. Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia.